



MAPS MALAYSIA
(Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia)
Lembaga Arkitek Malaysia

Nota Khas MAPS #2-2020:

Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran serta Penilaian bagi Program Senibina dan Rekabentuk Dalaman di Institusi Pengajian Tinggi dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sempena Penularan Wabak COVID-19

1.0 TUJUAN

- 1.1 Nota Khas #2-2020 dari MAPS Malaysia ini bertujuan memberi nasihat dan panduan bagi membantu Pemberi Pengajian Tinggi Senibina (PPS) dan Pemberi Pengajian Tinggi Rekabentuk Dalaman (PPD) dalam hal menjaga kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta penilaian pengajian senibina dan rekabentuk dalaman pada sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sempena penularan wabak COVID-19.
- 1.2 Nota Khas ini perlulah dibaca dalam konteks Nota Khas #1-2020 yang diterbitkan oleh MAPS Malaysia pada 18 Mac 2020 (Rabu).
- 1.3 Nota ini menjelaskan secara lebih terperinci terhadap perkara yang khusus berkaitan pengajian senibina dan rekabentuk dalaman dimana ianya perlulah difahamkan dalam konteks arahan dan panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta (IPT).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 MAPS Malaysia memberikan perhatian tinggi ke atas arahan pelanjutan PKP sehingga 14 April 2020 seperti yang diistiharkan oleh YAB Perdana Menteri pada 25 Mac 2020 (Selasa).
- 2.2 Telah diketahui umum bahawa P&P di semua IPT akan dikendalikan secara atas talian (*online*) sepenuhnya bermula 1 hingga 14 April 2020. Dalam tempoh ini atau tempoh lanjutan yang berikutnya, pelajar boleh mengikuti pengajaran dan pengkuliah secara atas talian sama ada dari rumah atau lokasi masing-masing. Tarikh tamat tempoh ini boleh berubah tertakluk kepada arahan PKP yang terbaharu dari Kerajaan.

- 2.3 Dokumen 'Soalan Lazim' (*frequently asked questions*) berkaitan Pelaksanaan Program Pengajian semasa PKP yang diterbitkan oleh Malaysian Qualifying Agency (MQA) juga adalah berkaitan dan telahpun disejajarkan oleh MAPS.
- 2.4 Dalam Nota Khas #1-2020, MAPS amat maklum akan perkembangan serta arahan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPT) berhubung aktiviti dalam kampus khususnya yang membabitkan P&P secara bersemuka dan berkumpulan seperti pertemuan dalam kuliah, makmal, kerja lapangan, dan studio yang dibatalkan.
- 2.5 Selain dari perkara 2.4 di atas, pengkuliah, pertemuan, dan pembelajaran boleh dilaksanakan secara atas talian (*online*) menerusi pelbagai platform dan bentuk tertakluk kepada keadaan dan keperluan sesuatu sesi P&P yang berkenaan.

3.0 PELAKSANAAN PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

- 3.1 Kebanyakan program pengajian senibina dan rekabentuk dalaman tidak mempunyai elemen peperiksaan formal dan bertulis. Hanya sekitar 15 hingga 20 peratus sahaja dalam kurikulum senibina mempunyai elemen peperiksaan akhir berbentuk formal dan bertulis. Selebihnya adalah kursus-kursus tanpa peperiksaan (*non-examinable courses*).
- 3.2 Pengendalian penilaian dan peperiksaan semua **kursus bukan-rekabentuk** (*non-design courses*) dalam tempoh PKP ini perlu mematuhi apa juga panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh KPT, MQA, dan IPT masing-masing. MAPS boleh membenarkan penggantian peperiksaan formal kepada kaedah penilaian lain seperti peperiksaan atas talian dari rumah, peperiksaan di rumah dalam waktu yang ditetapkan, atau dijadikan tugas khas dengan tempoh dan waktu serahan yang ditetapkan (asalkan agihan permarkahan kekal seperti yang tertakluk dalam informasi kursus).
- 3.3 Manakala pengendalian penilaian semua **kursus rekabentuk** (*design courses*) perlulah dipandu oleh peruntukan standard yang ditetapkan dalam *Manual of Accreditation for Architecture Programme* (MAAP), 2013 dan *Policy and Procedures for Accreditation of Interior Design Programme* (PAID), 2019.
- 3.4 MAAP (2013: 21) dan PAID (2019: 21) menetapkan dalam item (ii) subseksyen 3.2.3 bahawa penilaian semua projek utama (*major*) Studio Rekabentuk dilaksanakan secara kolektif oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang staf akademik berkelayakan.
- 3.5 Kelonggaran diberikan kepada PPS/PPD di mana sekurang-kurangnya satu (1) kali penilaian akhir pada penghujung projek utama boleh diterima sebagai memadai dan ini mestilah dilaksanakan secara kolektif menerusi atas talian oleh tidak kurang dari (2) orang staf akademik.
- 3.6 Sesi P&P bersemuka dalam aspek perundingan satu-sama-satu antara pensyarah dan pelajar yang kerap diadakan di studio rekabentuk boleh dilaksanakan di atas talian. Pelbagai kaedah boleh digunakan, sama ada dalam bentuk segerak atau sinkroni (*synchronous*) ataupun tak segerak atau asinkroni (*asynchronous*). Antara platform sinkroni yang boleh digunakan termasuk video Whatsapp, Facetime, Skype dan Zoom. Sementara platform asinkroni termasuklah emel, platform mesej seperti Whatsapp, Google Chat dan

Messenger, pelbagai platform pembelajaran atas talian seperti e-Learning, MOOC, Moodle, dan sebagainya. Kesesuaian sesuatu platform yang digunakan perlulah mengambil kira aspek keupayaan peralatan, kebolehcapaian dan kebergantungan yang diperlukan dalam aktiviti P&P atas talian yang berkenaan. Kebanyakan platform asinkroni berkeupayaan menyediakan sesi perbincangan atas talian bagi gerak kerja berkumpulan.

4.0 LATIHAN PRAKTIKAL DAN PENGALAMAN BEKERJA MINIMUM

Salah satu elemen penting dalam sistem pengajian rekabentuk dalaman adalah 'latihan praktikal' yang terkandung dalam kurikulumnya dan bagi senibina adalah 'pengalaman bekerja minimum' sebagai syarat kemasukan ke pengajian peringkat LAM Bahagian II. Penjelasan mengenai kedua-duanya adalah seperti berikut:

4.1 Latihan Praktikal untuk program Rekabentuk Dalaman:

Subseksyen 3.2.2(iii) dalam PAID (2019) menetapkan perkara berikut: Latihan Praktikal memberi peluang kepada pelajar untuk memperoleh pengalaman dalam praktis rekabentuk dalaman dan industri pembinaan. Keperluan Latihan Praktikal di industri pembinaan dalam tempoh tidak kurang dari 6 bulan yang ditadbir oleh PPD ini sebaik-baiknya diberikan skop kerja rekabentuk dalaman, diselia oleh Perekabentuk Dalaman atau Arkitek berdaftar, adalah mandatori ke atas semua pelajar sebelum mereka memasuki semester bergraduat (semester akhir). Latihan Praktikal ini perlu dilaksanakan selepas tamat pengajian Tahun Kedua dan hendaklah selesai sebelum pelajar menyertai semester akhir. Beberapa kemungkinan boleh diteroka oleh PPD seperti mana contoh berikut:

- 4.1.1 Menjalankan Latihan Praktikal untuk suatu tempoh yang munasabah dan termampu mengambil kira keadaan yang terkekang; atau
- 4.1.2 Menggantikan Latihan Praktikal dengan menetapkan pelajar supaya menyediakan satu kertas kajian atau 'kajian topikal' yang berfokus kepada isu dan cabaran dalam dunia praktis rekabentuk dalaman dan hubungannya dengan industri pembinaan; atau
- 4.1.3 Menjalani Latihan Praktikal bagi mana-mana firma atau individu Perekabentuk Dalaman berdaftar dari dalam atau luar negara menerusi mod bekerja dari rumah yang dibuat secara formal dan lantikannya dibuat secara sah dan bersurat dimana aktiviti kerja setiap hari direkodkan dan portfolio kerja disimpan secara bersistematik; atau
- 4.1.4 Menggabungkan kaedah yang dinyatakan antara mana-mana dua dari subperkara 4.1.1, 4.1.2, dan 4.1.3; atau
- 4.1.5 Menangguhkan serta menyesuaikan penempatan Latihan Praktikal ke satu masa yang selesa kepada PPD dan pelajar berkenaan, dan sekiranya diperlukan, PPD membenarkan mereka melaksanakannya pada semester akhir pengajian; atau
- 4.1.6 Selain dari yang dinyatakan dalam subperkara 4.1.1 hingga 4.1.5 di atas, pihak PPD dialu-alukan untuk menggunakan kebijaksanaan mereka dalam mengolah semula keperluan Latihan Praktikal yang membabitkan elemen klien, penaung (*patron*), komuniti, dan usaha pemberdayaan

masyarakat (contoh: *Crisis Project for Interior Design* atau *ID Special Project*).

4.1.7 Dalam mana-mana kemungkinan di atas, seliaan dan pengesahan dari seorang Perekabentuk Dalaman atau Arkitek berdaftar adalah satu kemestian.

4.1.8 Pendekatan Latihan Praktikal seperti yang dinyatakan di atas turut boleh dilaksana dalam aktiviti 'latihan Industri' yang terkandung dalam mana-mana program pengajian senibina.

4.2 **Pengalaman Kerja sebagai Syarat Kemasukan Peringkat LAM Bahagian II:**

MAAP (2013) dalam subseksyen 3.2.4 menetapkan pengalaman bekerja selama tidak kurang dari enam (6) bulan di firma Arkitek Berdaftar, organisasi yang berkaitan dengan senibina yang diluluskan, atau praktis dalam industri pembinaan sebagai salah satu syarat utama kemasukan ke program pengajian peringkat LAM Bahagian II.

4.2.1 MAPS menganjurkan supaya syarat kelayakan masuk ini diberikan keanjalan yang munasabah sesuai dengan keperluan dan kemampuan PPS yang berkenaan.

4.2.2 Pelajar (pemohon) yang terbukti cemerlang dan sekiranya didapati layak boleh diterima masuk terus ke program peringkat LAM Bahagian II. Manakala pemohon yang kurang cemerlang boleh ditentukan pengambilan mereka tertakluk kepada tahap keputusan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) yang diperkukuhkan dengan pengalaman bekerja dari tempoh tiga minimum (3) bulan atau lebih dan disejajarkan dengan PNGK.

4.2.3 Sehubungan dengan subperkara 4.2.2, PPS dikehendaki menyediakan jadual kategori kelayakan masuk berdasarkan keputusan PNGK dan tempoh pengalaman bekerja menurut tahap keupayaan pemohon. Sesi temuduga perlu teliti keupayaan pemohon secara holistik dengan menggabungkan jalin antara aspek akademik dan pengalaman kerja.

4.2.4 Lanjutan dari subperkara 4.2.2 dan 4.2.3, pelajar yang telah dikecualikan atau dikurangkan keperluan kelayakan pengalaman bekerja semasa kemasukan ke program peringkat LAM Bahagian II, maka mereka ini akan diminta melengkapkan keperluan ini selepas tamat pengajian dan sebelum mereka mendaftar sebagai Arkitek Graduat dengan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM).

5.0 **PEDAGOGI STUDIO REKABENTUK DAN KEMUDAHAN ICT**

5.1 Dalam dokumen MAAP (2013: 7) dan PAID (2019: 8) ada dijelaskan 'studio' sebagai sistem dan instrumen pedagogi P&P bagi program senibina dan rekabentuk dalaman.


5.2 Penggantian studio rekabentuk dalam bentuk atas talian (*online*) atau studio maya (*virtual studio*) perlu dilihat sebagai satu tindakan yang berbentuk sementara (sehingga keadaan kembali normal). Umumnya diketahui studio maya tidak mampu menggantikan studio rekabentuk yang dikendalikan secara bersepadu (*integrative*), sepakat (*cooperative*), dan muafakat (*consensual*).

Persekitaran pembelajaran studio yang dinamik ini tidak mungkin dapat disimulasikan menerusi studio maya atau apa juga medium atas talian. Namun, semua maklum dalam menempuh keadaan yang getir sebegini, kaedah P&P yang disarankan ini adalah yang terbaik pada masa ini.

- 5.3 Pelaksanaan studio rekabentuk dan penilaian hasil kerja pelajar boleh dan elok diteruskan walaupun mod P&P tidak bersifat konvensional. Usaha ke arah menseserakan P&P perlu dibuat dengan mengambil kira aspek kesaksamaan tanpa mewujudkan keadaan yang merugikan kepada mana-mana pelajar.
- 5.4 Penyediaan program studio perlu juga mengambil kira kekangan membuat lawatan tapak dengan menggunakan tapak andaian (*hypothetical*) atau mana-mana tapak yang maklumat latarnya sudah siap tersedia oleh pensyarah studio berkenaan. Pensyarah boleh juga memilih untuk menggunakan brif pertandingan rekkabentuk sebagai salah satu dari pelbagai alternatif yang boleh dipertimbangkan.

6.0 KUAT KUASA PELAKSANAAN

- 6.1 Nota Khas ini memberikan penjelasan lanjut kepada PPS/PPD dalam konteks ketetapan terdahulu yang disampaikan dalam Nota Khas #1-2020 disamping memberikan panduan ke atas beberapa perkara tambahan yang berkaitan dengan program pengajian senibina dan rekabentuk dalaman.
- 6.2 Nota Khas ini terpakai ke atas semua program senibina dan rekabentuk dalaman yang telah diluluskan atau/dan diakreditasi oleh LAM bermula serta merta hinggalah ke suatu masa di mana keadaan penularan wabak COVID-19 menjadi reda dan terkawal sepenuhnya.



Prof. Adj. Ar. Mustapha bin Hj. Mohd Salleh
Pengerusi
Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina (MAPS) Malaysia
Lembaga Arkitek Malaysia

Tarikh: 26 Mac 2020 (Khamis)